



CERIA...pasukan UM bergambar bersama Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim (kiri) dan hadiah yang dimenangi.

Metro (Arena) Isnin 11/10/10 ms 32

UM, USM unggul Karnival Bola Keranjang 3 On 3

SEPERTI diramal pasukan Universiti Malaysia (UM) A dan Universiti Sains Malaysia (USM) A masing-masing muncul juara Karnival Bola Keranjang 3 On 3 2010 institut pengajian tinggi (IPT) 2010 di Stadium Tertutup Sukpa di Kuantan, Pahang, semalam.

Pengalaman luas pemain menjadi kelebihan kepada pasukan UM A mudah menewaskan lawan Universiti Putra Malaysia (UPM) A 10-4 untuk layak dinobatkan selaku juara kategori lelaki.

Pada perlawanan akhir kategori wanita, pasukan USM A seperti dijangka tidak menghadapi masalah menundukan musuh tradisi mereka Universiti Teknologi

Malaysia (UTM) 13-6.

Juara kategori lelaki dan wanita IPT membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, piala pusingan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, barangan produk Nestle dan sijil penyertaan.

Sementara itu, pasukan Majlis Sukan Sekolah Kelantan (MSSK) muncul johan kategori lelaki sekolah menengah selepas dipaksa berhempas pulas menundukan SMK Air Putih, Kuantan 13-12.

Kategori perempuan menyaksikan SMK Air Putih A menewaskan rakan sepasukan SMK Air Putih B 10-5. Juara sekolah menengah menerima hadiah RM1,000, barangan produk Nestle dan

sijil penyertaan.

Ketua pasukan UM A, Lim Chee Sheng, berkata pengalaman luas pemain di peringkat kebangsaan menjadi kelebihan kepada pasukannya muncul juara.

"Kejayaan bermakna ini diharapkan akan menjadi pembakar semangat kami sepasukan yang akan membawa cabaran pasukan negara ke kejohanan bola keranjang antara universiti Asean di Thailand, Disember depan," katanya

Tempat ketiga kategori lelaki dan wanita IPT berpihak kepada USM B dan Universiti Utara Malaysia A. Naib johan menerima hadiah wang tunai RM1,500, ketiga dan keempat, RM1,000.